

Headline **Singapura permudah guna Medisave**
Date **17 Feb 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **68 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **670**
PRValue **2,009**



Singapura permudah guna Medisave

KUMPULAN Pantai Hospital mengalu-alukan pengumuman Kementerian Kesihatan Singapura bagi memudahkan penggunaan Medisave untuk rawatan perubatan di luar negara.

Inisiatif itu dilihat memberi peluang kepada rakyat Singapura mendapat pilihan lebih luas bagi rawatan di hospital jika mereka ingin mendapatkan rawatan elektif, sekali gus membantu rakyat republik itu memaksimumkan nilai Medisave.

Dalam kenyataan Pantai Hospital yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, Pengerusinya, Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid, berkata pihaknya sentiasa menyokong inisiatif pelancongan kesihatan.

Menurutnya, bagi memudahkan inisiatif itu, semua sembilan hospital di bawah Kumpulan Pantai Hospital termasuk Gleneagles Hospital Kuala Lumpur bersedia menyediakan khidmat penjagaan kesihatan yang sepatutnya melalui program Medisave.

Katanya, Pantai Hospital akan menyediakan jumlah bil anggaran (EBS) bagi setiap pesakit dan langkah itu membentuk sebahagian daripada kaunseling kewangan menerusi pusat rujukan Medisave sebagaimana disyaratkan Kementerian Kesihatan Singapura.